

Oleh Nor Hanisah  
Kamaruzaman  
am@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**B**ermula dengan menjual cendol secara kecil-kecilan di kolej untuk mendapatkan duit poket, kini seorang penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meluaskan perniagaannya dengan memiliki tapak perniagaan secara tetap di dalam kampus.

Pelajar tahun ketiga Fakulti Kejuruteraan UPM itu Muhammad Faris Jaafar, 22, pemilik 'The Serdang Cendol' itu kini mampu menghasilkan cendol dengan skala besar kerana mempunyai beberapa gerai di dalam kampus selain mempunyai tenaga kerja yang terdiri daripada rakannya sendiri.

"Kini saya mempunyai beberapa kumpulan yang membantu dalam penghasilan dan pemasaran cendol saya kerana selain ingin meluaskan pengeluaran saya juga mahu membantu rakan yang mahu mendapat pendapatan sampingan juga."

"Mereka diberi upah dan dari situ mereka dapat memperoleh duit poket dan secara tidak lansung penghasilan cendol juga akan berjalan lancar dengan tenaga kerja yang mencukupi," katanya ketika ditemui di Ekspos CEM di UPM Serdang, semalam.

Ekspos CEM yang menawarkan 3,000 pekerjaan dari 60 buah syarikat dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kelembasaran Graduan (CEM) UPM sebagai salah satu usaha pihak UPM untuk membantu graduan UPM khususnya mendapat pekerjaan.

Antara syarikat yang mengambil bahagian adalah Maybank, Resort World Genting, Berjaya Corporation Berhad, Jobstreet, Nippon Paint dan PUNB dengan menawarkan kerja dari pelbagai



FARIS mengambil peluang bermula cendol di Career Expo UPM.

## Bermula kecil-kecilan, 'The Serdang Cendol' jadi fenomena di UPM, cadang perluas ke seluruh negara

sektor.

Ekspos yang berlangsung selama dua hari itu bermula hari ini (6 Mei) dan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor UPM Prof Datuk Mohammad Shatar Sabran.

Selain pameran dan menghantar resume, terdapat aktiviti lain seperti ceramah kerjaya oleh Jobstreet dan CEO Knowledgecom dan ceramah bisnes bersama Fizo Omar serta jualan oleh pelajar usahawan seperti Muhammad Jaafar.

Cendol yang dihasilkan Muhammad Jaafar istimewa kerana ia dihasilkan segar tanpa bahan pengawet dan

segala bahan di dalam cendol itu dihasilkan olehnya sendiri.

"Bahan yang terdapat dalam cendol ini seperti santan, jagung, gula merah, kacang merah malahan cendol ini juga dibuat dari awal."

"Sebagai contoh santan tersebut saya sendiri yang proses kerjaya saya mempunyai mesin perah santan manakala jagung saya dapatkan dari ladang UPM dan kacang merah saya sendiri rendam dan rebus untuk dapatkan kualiti terbaik."

Menurutnya, cendol asli dibuat dari awal rasa berbeza dan lebih berkualiti seperti

cendol yang dihasilkannya itu tidak menggunakan perasa pandan dan menggunakan daun pandan yang dikisar dan dicampur dengan bahan lain.

Katanya lagi, setakat ini The Serdang Cendol mendapat sambutan hangat terutamanya daripada pelajar kerana sasarannya produk adalah pelajar.

"Saya juga berhasrat untuk menjadi pengeluar cendol ke seluruh Malaysia kerana tidak ramai pengeluar atau pengedar cendol setakat ini."

"Namun ia masih diperingkat perancangan kerana saya baru sahaja berkolabo-

rasi dengan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM untuk penghasilan cendol ini," katanya lagi.

Berbeza pula dengan pelajar tahun kedua jurusan kewartawanan Nur Atiqah Mohammad Ali, 21, tidak hanya tertumpu kepada satu bidang perniagaan sahaja.

Nur Atiqah bermula dengan perniagaan menjual tudung yang direka khas dengan jenama Webeelongtogether di Instagram sebelum bergelar pelajar UPM lagi.

"Setelah masuk belajar di UPM saya luaskan minat

**"Saya juga berhasrat untuk menjadi pengeluar cendol ke seluruh Malaysia"**

Faris Jaafar

perniagaan apabila saya serai CEM dan dari situ saya memperoleh ilmu mengenai keusahawanan dan perniagaan secara tidak lansung merancangkan lagi perniagaan sedia ada.

"Saya tidak gentar mencuba bidang baru iaitu bidang pengedaran dan pengeleuaran buku dan yakin mampu melakukannya kerana saya dapat lihat potensi bidang ini dan yakin ia mampu pergi lebih jauh."

Katanya, selepas berjaya mengedarkan buku bertajuk '#88LoveLife' dari Indonesia itu, berminat untuk menjadi sebuah syarikat mengedarkan buku dan penjualan tudung sudah diberi penjenamaan baru.

"Dalam masa tiga bulan saya dapat menjual 2000 naskhah dan sudah dilantik menjadi pengedar tunggal oleh penerbitan asal dari Indonesia dan saya sudah beberapa kali ke sana untuk berurus dengan penerbitan di sana."

"Kini saya juga mahu meluaskan perniagaan saya kepada bidang lain seperti tekstil dan makanan dan saya bersyukur kerana selain dibantu CEM, keluarga juga banyak membantu terutamanya dari segi kewangan," katanya lagi.

CEM merupakan pusat bantuan kepada pelajar usahawan dalam memberi khidmat nasihat selain memberi panduan dan tunjuk ajar kepada mereka dan terbuka kepada semua pelajar UPM.

Pelajar juga dibantu untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada agensi berdaftar atau institusi kewangan yang sesuai untuk usahawan baru seperti PUNB.